

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR UniMAP
MAJLIS PELANCARAN LARIAN OBOR KEMERDEKAAN D'SIPMA 2007
20HB OGOS 2007, DATARAN MENARA ALOR STAR**

SALUTATION

Yang Berhormat Dato' Paduka Ahmad Bashah B. Md. Hanipah,
Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan & Pembangunan Luar
Bandar Negeri Kedah, wakil Yang Amat Berhormat Menteri
Besar Kedah;

Ahli-Ahli Yang Berhormat;

Dif-Dif Kehormat;

Y.Bhg. Dato' Hj. Maidin B. Syed Ali, Bendahari Universiti Utara
Malaysia, wakil Naib Canselor UUM;

Y.Brs. En. Muhamad B. Mohd Hanif, Ketua Unit Sukan Universiti
Sains Malaysia, wakil Naib Canselor USM;

Ketua-Ketua Jabatan Negeri & Persekutuan Negeri Kedah;

Pegawai-Pegawai Utama Universiti;

Ketua-Ketua Jabatan UniMAP, Barisan Urusetia, Wakil-Wakil
Media;

Para peserta Larian Obor Kemerdekaan D'SIPMA Base 5;

Seterusnya hadirin hadirat sekalian.

PENDAHULUAN

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera

Pertama-tamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan inayahNya dapatlah kita bertemu pada majlis pagi ini.

Ucapan terima kasih didahulukan kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Ahmad Bashah, wakil Y.A.B Menteri Besar Kedah kerana sudi hadir untuk merasmikan Majlis Pelancaran Larian Obor Kemerdekaan D'SIPMA 2007 Base 5 yang akan diketuai oleh mahasiswa UniMAP dan disertai bersama oleh para pelajar sekolah di negeri Kedah.

*Bintang tidak terbit pagi,
Diselaput oleh awan putih;
Tuan sudi sampai ke mari,
Kami ucapkan terima kasih.*

PENGHARGAAN KEPADA NEGERI KEDAH

Yang Berhormat Dato', hadirin sekalian;

Universiti Malaysia Perlis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah dibawah pimpinan **Y.A.B Dato' Seri Mahdzir B. Khalid, Menteri Besar Kedah** kerana sudi mengizinkan kami warga UniMAP untuk berkampung selama 2 hari di Menara Alor Star bermula semalam hingga ke hari ini.

Komitmen yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada kami dalam bersama-sama menjayakan program ini amat tinggi nilainya khususnya dalam memastikan setiap acara yang dirancang berjalan dengan lancar.

LARIAN OBOR KEMERDEKAAN - PENGISIAN SEBUAH KEMERDEKAAN

Yang Berhormat Dato', hadirin sekalian;

Hari ini, dalam tempoh masa **11 hari** atau **264 jam** atau **15,840 minit** atau **950,400 saat** lagi, kira akan menghampiri detik ulangtahun kemerdekaan negara yang ke-50. Tanggal 31 Ogos bukan satu monumen semata-mata untuk kita mengingati, tetapi ia merupakan satu cabaran kepada kita khususnya para pelajar generasi muda yang berada bersama-sama kita pada pagi ini.

Pengalaman 446 tahun kita dijajah adalah sukar untuk dilupakan. Namun apa yang penting ialah 446 tahun yang akan kita hadapi pada masa akan datang. Jiwa-jiwa remaja yang berada di hadapan inilah yang perlu diisi agar dapat diterjemahkan menerusi program-program seperti ini.

Untuk mencapai kemerdekaan bukanlah semudah kita melaungkan ungkapan "**MERDEKA**". Saban tahun kita melihat sambutan kemerdekaan diadakan dengan begitu meriah sekali. Hakikatnya, adakah jiwa generasi muda hari ini sudah merdeka? Justeru itu, saya berpendapat program yang diadakan pada hari ini merupakan landasan yang terbaik dalam melahirkan generasi yang terus mencintai tanahair ini.

Gabungan pelajar sekolah dan universiti dalam bersama-sama berlari pada pagi ini merupakan acuan yang terbaik dalam menjamin kesinambungan kegemilangan kita dalam arena pendidikan. Saya percaya, dalam perjalanan nanti abang-abang & kakak-kakak boleh memberi motivasi kepada adik-adik yang masih bersekolah untuk terus menjadi pendidikan teras dalam kehidupan seharian.

Yang Berhormat Dato, hadirin sekalian;

Jarak perjalanan yang akan dilalui sebentar nanti iaitu sejauh 50 km bukanlah ukuran bagi program ini. Apa yang penting adalah bagaimana kita menterjemahkan `larian' ini dengan mengimbuai kembali rentetan perjuangan nenek moyang kita terdahulu.

Mereka ini dahulu sanggup berjalan meredah hutan belantara, bukit bukau, yang memakan masa berbulan-bulan untuk sampai ke satu tempat. Terpaksa meninggalkan keluarga demi mencari sesuap nasi, tidak menghiraukan keselamatan diri demi mempertahankan tanahair. Pengorbanan sebesar ini pastinya tidak mampu dibalasi.

Untuk itu, saya amat berbangga kerana yang berada di hadapan kita pada hari ini sanggup menerima cabaran untuk berlari dari Menara Alor Star ke UUM yang saya percaya akan menempuhi cuaca hujan & panas. Inilah yang dinamakan perjuangan.

Saya mendoakan semua para peserta akan tiba ke destinasi larian yang dituju dengan selamat.

PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT

Yang Berhormat Dato, hadirin sekalian;

Akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengungkapkan ucapan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan kepada Jawatankuasa peringkat UniMAP yang telah bersama-sama bertungkus lumus menjayakan program ini yang akan berakhir di UUM pada malam ini.

*Tinggi bukit gilang-gemilang,
Air pasang tenang-tenangan;
Budi sedikit manakan hilang,
Itu juga kenang-kenangan.*

Sekian, wabillahitaufikwalhidayah
warahmatullahi wabarakatu.

wassalamualaikum

Salam Kemerdekaan!